

**PERLAKSANAAN AMALAN PEMBELAJARAN TAHFIZ DI INSTITUSI  
TAHFIZ SABAH  
IMPLEMENTATION OF TAHFIZ LEARNING PRACTICES IN SABAH TAHFIZ  
INSTITUTION**

Azihal Bin Bangsawan<sup>1\*</sup>, Zetty Nurzuliana Binti Rashed<sup>1</sup>, Muhammad Hafiz Bin Salleh<sup>2</sup>

<sup>1\*</sup>Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[umar.azihal@gmail.com](mailto:umar.azihal@gmail.com)

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[zetty@kuis.edu.my](mailto:zetty@kuis.edu.my)

<sup>2</sup>Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM  
[mhafiz@usim.edu.my](mailto:mhafiz@usim.edu.my)

\* Penulis Penghubung

*Artikel diterima: 1 Jun 2022*

| *Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022*

| *Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022*

**Abstrak**

Kajian ini membincangkan pelaksanaan amalan pembelajaran tahfiz yang diaplikasikan oleh pelajar-pelajar tahfiz di Negeri Sabah. Metodologi kajian ini adalah berbentuk metode campuran antara kajian kualitatif dan kuantitatif iaitu menggunakan tinjauan soal temu bual dan pengedaran soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Kajian ini melibatkan seramai 15 orang informan bagi mendapatkan data kualitatif manakala 76 orang responden pula akan menjawab data kuantitatif. Analisis data tematik bagi menjelaskan data kualitatif manakala data kuantitatif dilaporkan secara statistik deskriptif untuk mengenalpasti amalan pembelajaran pelajar-pelajar tahfiz di Sabah. Bagi menentukan dapatan kajian, data telah dianalisis menggunakan min bagi mengenalpasti tahap amalan tersebut. Hasil dapatan kajian menemukan bahawa tahap keseluruhan amalan pembelajaran tahfiz adalah berada pada tahap sangat tinggi iaitu dengan min 4.21. Ini menunjukkan bahawa amalan pembelajaran tahfiz di Institusi Tahfiz di Sabah berada pada tahap yang sangat tinggi sesuai dengan respon yang diberikan oleh para pelajar terhadap soalan-soalan yang ditanyakan kepada mereka. Manakala hasil dapatan kajian melalui kajian kualitatif pula menjelaskan bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dilaksanakan dalam amalan pembelajaran tahfiz antaranya ialah proses pembelajaran pusat tahfiz, teknik hafazan berkesan bagi pelajar, laporan

mingguan hafalan pelajar tahfiz, ganjaran yang diberikan oleh institusi tahfiz dan hukuman yang dikenakan kepada para pelajar.

**Kata Kunci:** Amalan, Pembelajaran, Tahfiz, Institusi Tahfiz, Sabah

### **Abstract**

This study discusses the implementation of *tahfiz* learning practices applied by *tahfiz* students in Sabah. The methodology of this study is in the form of a mixed method between qualitative and quantitative research that is using survey interview questions and distribution of questionnaires to obtain research data. This study involved a total of 15 informants to obtain qualitative data while 76 respondents will answer a set of questionnaires to gather quantitative data. Thematic data analysis to explain the qualitative data while the quantitative data is reported by descriptive statistics to identify the learning practices of *tahfiz* students in Sabah. To determine the findings of the study, data were analysed using mean to identify the level of practice. The results of the study found that the overall level of *tahfiz* learning practice is at a very high level with a mean of 4.21. This shows that the practice of learning *tahfiz* at the Tahfiz Institution in Sabah is at a very high level in accordance with the responses given by students to the questions asked to them. While the results of the study through qualitative research also explains that there are several things that need to be implemented in the practice of learning *tahfiz* such as the learning process of *tahfiz* center, effective memorization techniques for students, weekly memorization report of *tahfiz* students, rewards given by Tahfiz institutions and punishments imposed on students.

**Key Words:** Practices, Learning, *Tahfiz*, Tahfiz Institution, Sabah

---

## **1.0 Pengenalan**

Solahuddin Ismail (2016) dalam kajiannya Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran membahaskan perubahan pandangan masyarakat terhadap institusi tahfiz yang membawa kepada peningkatan penubuhan institusi tahfiz swasta bagi memenuhi permintaan masyarakat setempat. Kepelbagaian sistem pendidikan tahfiz ini memberikan peluang kepada ibu bapa untuk membuat pilihan yang bersesuaian dengan anak-anak mereka. Hal ini juga mendatangkan beberapa perkara yang perlu diperbaiki dari sudut ketidakselarasan dalam pentadbiran, ketidakseragaman kurikulum, tempoh pengajian, penarafan sijil, huffaz yang tidak berkemahiran dan lain-lain. Dalam kajian ini menjelaskan bahawa pihak kerajaan perlu memantau semula berkenaan isu-isu yang

disebutkan melalui agensi yang bertanggungjawab untuk mendapatkan penyelesaian kepada isu-isu berkaitan. Namun di pihak lain isu-isu ini perlu ditangani dengan penuh cermat dan bijaksana supaya imej Islam terjaga dan tidak tercalar.

Selain itu, 'Dasar Pemerksaan Institusi Tahfiz di Malaysia' oleh Azman et al. (2020) menyenaraikan beberapa aspek cadangan yang perlu ditambah baik di dalam pendidikan tahfiz di Malaysia. Pertama, kaedah pengurusan dan pentadbiran sekolah tahfiz perlu kepada keselarasan yang sistematik selain masalah sesetengah institusi tahfiz yang tidak mendapat kelulusan daripada pihak berwajib. Penggunaan sistem pengurusan secara atas talian juga perlu dipertimbangkan. Kedua, kurikulum tahfiz al-Quran perlu diperkasakan lagi dengan pembangunan suatu model tahfiz yang bersepadu. Bahan-bahan pembelajaran seperti buku teks yang seragam juga perlu diselaraskan. Ketiga, pemantauan keselamatan institusi tahfiz dek kerana sesetengah institusi tahfiz berjalan tanpa mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Terakhir, pemerksaan berkenaan hala tuju dan kebolehpasaran murid.

Aspek lain berkenaan amalan pembelajaran tahfiz seperti yang dilaporkan oleh Azmil Hashim et al. (2014) dalam artikelnya 'Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar' yang mengambil sejumlah 212 pelajar tahfiz Diploma Darul Quran JAKIM sebagai responden untuk melihat kaedah pembelajaran tahfiz di institusi tahfiz Malaysia. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih memilih untuk menggunakan kaedah *takrar* dan *tasmi'* dalam proses pembelajaran tahfiz al-Quran. Hal ini kerana, pelajar merasakan kaedah talaqqi dan musyafahah yang dijalankan oleh pensyarah mereka tidak mencukupi. Pelajar juga dilihat kurang berusaha dalam mencari maksud kalimah serta ayat untuk menghafaz al-Quran. Selain itu, pelajar juga dilihat kurang mengambil inisiatif tambahan untuk mendengar bacaan contoh daripada pensyarah, membaca ayat di hadapan pensyarah sebelum dihafaz, mencari *asbab nuzul* ayat serta pengajaran ayat.

## 2.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian deskriptif dengan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kajian deskriptif menentukan nilai bagi sesuatu kajian (Fraenkel, et. al, 2006). Seramai 15 orang yang dijadikan informan untuk mendapatkan data kualitatif yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahfiz yang belajar di 5 institusi tahfiz terpilih di negeri Sabah. Manakala responden bagi kajian kuantitatif pula adalah terdiri daripada 76 orang pelajar bagi mewakili populasi sampel kajian sesuai dengan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) kerana jumlah populasi di institusi kajian yang dipilih adalah seramai 95 orang. Responden telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Sampel yang telah dipilih adalah mewakili jumlah pelajar-pelajar tahfiz di negeri Sabah. Seterusnya, data yang diperolehi bagi data kualitatif dianalisa menggunakan kaedah tematik selepas data mentah ditranskrib manakala data kuantitatif pula dianalisis menggunakan SPSS Version 23.0 (*Statistical Package for Social Science*) dan dijelaskan dalam bentuk stastistik deskriptif. Pendekatan ini digunakan untuk merumus dan mentafsir data yang diperolehi dengan lebih terperinci.

### 3.0 Analisis Dapatan Secara Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama iaitu untuk mengenalpasti cabaran pelajar tahfiz dalam proses pembelajaran dan kemudahan infrastruktur yang disediakan di institusi tahfiz. Bagi menentukan dimensi tersebut maka data telah dianalisis menggunakan min. Seterusnya nilai min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Norasmah (2002) dan Azhar (2006). Norasmah (2002) dan Azhar (2006) telah membahagikan cara interpretasi dapatan deskriptif tersebut seperti dalam jadual 1 berikut.

Jadual 1 Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi
4.01-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad, (2006) dan Norasmah (2001)

### 4.0 Dapatan Kajian Perlaksanaan Amalan Pembelajaran Tahfiz

Hasil dapatan kajian bagi pelaksanaan amalan pembelajaran tahfiz di Institusi Tahfiz Sabah mendapati bahawa tahap min paling tinggi adalah item 6 iaitu "Saya mempunyai cara tersendiri untuk meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran" dengan nilai min sebanyak 4.46 iaitu berada pada tahap paling tinggi. Manakala tahap min paling rendah pula adalah item 5 iaitu "Saya menerima hukuman jika tidak mencapai target hafazan yang ditetapkan" iaitu berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.80. Tahap min secara keseluruhannya adalah berada pada tahap sangat tinggi iaitu dengan min 4.21. Ini menunjukkan bahawa amalan pembelajaran tahfiz di Institusi Tahfiz di Sabah berada pada tahap yang sangat tinggi sesuai dengan respon yang diberikan oleh para pelajar terhadap soalan-soalan yang ditanyakan kepada mereka. Nilai min kepada setiap item yang ditanyakan kepada responden boleh dilihat pada Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Tahap Min Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Tahfiz di Institusi Tahfiz Sabah

No.	Item Soalan	Min	Tahap
1.	Teknik hafazan dalam amalan pembelajaran di Pusat Tahfiz berkesan.	4.41	Sangat Tinggi
2.	Saya melakukan perancangan waktu bagi aktiviti pembelajaran tahfiz.	4.25	Sangat Tinggi
3.	Saya mensasarkan target hafazan dalam seminggu.	4.43	Sangat Tinggi
4.	Saya menerima hadiah daripada guru/institusi jika mencapai cemerlang dalam hafazan.	3.88	Tinggi
5.	Saya menerima hukuman jika tidak mencapai target hafazan yang ditetapkan.	3.80	Tinggi
6.	Saya mempunyai cara tersendiri untuk meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran.	4.46	Sangat Tinggi
	<b>Keseluruhan min</b>	<b>4.21</b>	<b>Sangat Tinggi</b>

Sumber: Soal Selidik (2022)

Hasil kajian kekerapan/peratusan berkaitan Kekerapan/peratusan Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Tahfiz di Institusi Tahfiz Sabah mendapati bahawa item 6 iaitu “Saya mempunyai cara tersendiri untuk meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran” adalah item yang paling majoriti bersetuju tentang kenyataan ini. Ini kerana 71 orang responden (93.5%) setuju dan sangat bersetuju terhadap kenyataan ini iaitu para responden mempunyai cara tersendiri untuk meningkatkan pencapaian hafazan Al-Quran selain daripada tips dan kaedah yang diajar oleh guru-guru mereka. Manakala item 5 pula adalah item yang paling ramai responden yang sangat tidak setuju dan tidak setuju. Seramai 10 orang (14.1%) yang tidak bersetuju terhadap item yang ditanyakan iaitu item “Saya menerima hukuman jika tidak mencapai target hafazan yang ditetapkan”. Ini menunjukkan bahawa sebahagian responden tidak mendapat sebarang hukuman

walaupun tugas hafazan tidak dilaksanakan. Untuk melihat keseluruhan jawapan yang diberikan oleh responden ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Kekerapan/peratusan Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Tahfiz di Institusi Tahfiz Sabah

BIL.	PERKARA	STS (N/%)	TS (N/%)	TP (N/%)	S (N/%)	SS (N/%)
1	Teknik hafazan dalam amalan pembelajaran di Pusat Tahfiz berkesan.	-	1/1.3)	5/6.6	32/42.1	38/50
2	Saya melakukan perancangan waktu bagi aktiviti pembelajaran tahfiz.	-	1/1.3	5/6.6	44/57.9	26/34.2
3	Saya mensasarkan target hafazan dalam seminggu.	-	1/1.3	5/6.6	30/39.5	40/52.6
4	Saya menerima hadiah daripada guru/institusi jika mencapai cemerlang dalam hafazan.	3/3.9	2/2.6	17/22.4	33/43.4	21/27.6
5	Saya menerima hukuman jika tidak mencapai target hafazan yang ditetapkan.	3/3.9	7/9.2	11/14.5	36/47.4	19/25
6	Saya mempunyai cara tersendiri untuk meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran.	-	2/2.6	3/3.9	29/38.2	42/55.3

Sumber: Soal Selidik (2022)

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian kualitatif iaitu melalui kaedah tinjauan temu bual bersama informan berkaitan dengan pelaksanaan amalan pembelajaran pelajar tahfiz di Sabah. Berikut adalah output kajian yang diperolehi melalui data kualitatif yang dilaporkan secara deskriptif:

#### 4.1 Proses Pembelajaran Pusat Tahfiz

Pelajar menyebut bahawa pembelajaran di Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) mempunyai 6 semester secara keseluruhannya. Setiap semester berjalan selama 6 bulan dan para pelajar perlu menghabiskan hafazan yang ditetapkan di dalam 6 bulan tersebut.

“Pembelajaran tahfiz di ITQAS ni ustaz dia satu sem tu kami ada sukatan hafazan lah atau lebih kami panggil kepada mukharar. Jadi untuk sem 1 kami, contohnya sem 1 kami ada, kami ada 5 juzuk untuk dihabiskan sepanjang 1 sem tu, dalam 1 sem tu dia ada 6 bulan dan kami perlu hafal sebanyak 5 juzuk la ustaz dan begitu semester 2 aa.. 6 juzuk pula dan sampai lah semester 6...” (Informan 2, 3:56, 2021)

Pembelajaran di ITQAS juga bermula dari 7.30 pagi hingga 3 petang. Selain daripada hafalan al-Quran, para pelajar juga mempelajari subjek lain. Contohnya seperti pelajar semester 2, mereka perlu mengambil subjek Bahasa Inggeris, Akidah, Bahasa Arab dan Qiraat amali. Setiap semester pelajar akan mempelajari subjek yang berbeza.

“Jadual harian kelas kami macam 7.30 pagi sampai jam 3 petang. Itu dia punya pembelajaran dia punya mata pelajaran, kalau macam kami, mata pelajaran kami di sem 2 ni selain daripada al-Quran, kami juga ada Bahasa Inggeris, Akidah, Bahasa Arab dan Qiraat amali. Qiraat amali tu kami adalah belajar pasal setiap imam tu dia punya manhaj, cara bacaannya pastu kami dengarlah cara bacaan dia apa semua.” (Informan 7, 5:56, 2021)

Selain daripada hafazan mengikut pembahagian juzuk, ujian juga dijalankan terhadap pelajar bagi menilai tahap hafalan pelajar, seperti yang disebut:

“...di sini pun dia ada ujian lah, ujian apa semua tu aa..” (Informan 10, 10:52, 2021)

Manakala bagi pelajar Maahad Tahfiz Darul Furqan Sipitang (DFS) pula, mereka menjalani program saba, samkin dan manzil disini untuk hafalan al-Quran. Tambahan lagi, mereka juga mempelajari beberapa subjek lain contohnya seperti Nahu Sorof, Feqah dan Tauhid.

“Erm macam program saba, samkin dan manzil. Istilah ni cuma caranya berbeza. Disini lagi tersusun dan guru perhatiannya dari hafalannya bagus.” (Informan 9, 10:29, 2021).

“Macam tahfiz ini, kami disini bukan hafal saja tapi ada juga belajar benda lain contohnya Nahu Sorof, Feqah, ilmu Tauhid, dan Alhamdulillah pelajaran disini okay lah. Teratur semua.” (Informan 6, 8:09, 2021)

Selain hafalan al-Quran, pelajar di Maahad Tahfiz Darul Yatama Membakut (DYM) juga mempelajari beberapa subjek lain seperti Tauhid, Taranum, Bahasa Arab dan lain-lain. Namun begitu, pembelajaran subjek akademik tidak dijalankan di sini.

“Pembelajaran tahfiz sini, aa sini belajar al-quran menghafal ada juga belajar macam belajar tauhid, belajar taranum ada, Bahasa Arab ada juga sikit-sikit. Akademik disini ndak ada.” (Informan 8, 17:47, 2021)

#### 4.2 Teknik Hafazan Berkesan Bagi Pelajar

Salah satu teknik hafazan yang diamalkan oleh pelajar ialah teknik pengulangan. Pengulangan selalunya dilakukan pada waktu lapang pelajar atau di dalam bacaan solat. Jumlah pengulangan ayat al-Quran oleh pelajar ada yang mencapai sehingga satu hingga lima juzuk sehari. Proses mengulang ini juga boleh dilakukan bersama guru mereka selain mengulang sendiri.

“Kalau ana, ana mengulang. Cara mengulang itu ikut skill orang, kalau ana mengulang 1-5 juzuk satu hari. Melalui masa lapang dan solat. Boleh tasmik dengan guru, boleh buat masa lapang dengan solat. Mungkin mengulang 3 juzuk dengan ustaz, 3 juzuk di luar dan juzuk yang lebih time solat.” (Informan 2, 12:43, 2021)

“Selain yang tasmik dengan pensyarah tu ada buat pengulangan sendiri lah ustaz aa.. macam aa.. target untuk paling pun sehari paling kurang dapat 1 juzuk untuk hafalan yang bukan hafalan untuk tasmik tu aa.. maksudnya yang lepas-lepas lah. Ya untuk sebagai ulangan sendiri...” (Informan 10, 13:48, 2021)

“Kalau disini memang hari-hari, kalau ndak saba’ memang manzir la. Kalau macam hari-hari biasa saba’ sankil manzir itu je. Macam dirumah, kita buat saba’ lepastu pengulangan 2 juzuk begitu.” (Informan 8, 18:54. 2021)

Berkenaan membuat pengulangan hafazan di dalam solat, hal ini disebut oleh al-Nawawi iaitu;

“Hendaklah seorang penghafaz al-Quran lebih banyak membaca al-Quran pada waktu malam dan dalam solat malam (qiamullail)”. Kata beliau lagi, “Sesungguhnya solat malam dan membaca al-Quran ketika itu amat digalakkan, kerana ia lebih menyatukan hati dan lebih jauh daripada hal-hal yang menyibukkan dan melalaikan. Ia juga mampu menjaga daripada riak dan hal-hal lain yang sia-sia. Dan ia menjadi sebab timbulnya kebaikan-kebaikan pada waktu malam” (Murihah Abdullah et al, 2015).

Selain itu, pelajar juga ada menyatakan bantuan rakan-rakan sangat membantu dalam proses hafazan al-Quran pelajar. Rakan-rakan akan membantu mendengar hafazan pelajar serta memberikan tips hafazan kepada pelajar. Pelajar juga menyebut jika membuat pengulangan sendiri selalunya banyak kesalahan daripada membaca hafalan dengan rakan.

“... teknik yang pertama hafal paling mudah saya selalu membaca praktik dulu bersama kawan-kawan sebelum dengan para ustaz dan saya juga ada minta tips dengan kawan-kawan. Itu bagi yang saya mudah dan cepat ingat untuk hafalan saya sebab kadang-kadang erm baca mengulang hafalan sendiri banyak yang baca salah. Dan saya lagi

banyak tasmik bersama kawan berbanding dengan para asatizah...”  
(Informan 1, 19:08, 2021)

Hal ini juga disebut Ismail Salleh (2020), mempunyai rakan hafiz al-Quran yang kuat ingatan akan membantu pelajar bersikap istiqamah dalam mengulangi hafazan al-Quran. Kaedah mengulang hafazan bersama rakan ini juga digunapakai oleh ulama zaman dahulu bagi mengulangkaji ilmu yang dipelajari.

Selain itu, masa yang sesuai untuk menghafaz juga memainkan peranan dalam keberkesanan hafazan pelajar. Seseengah pelajar memilih untuk menambah hafalan yang baharu sebelum waktu Subuh. Ada juga yang membuat ulangkaji hafalan dengan melancarkan bacaan dari malam hari hingga ke Subuh. Tambahan pula, ada pelajar yang sentiasa cuba mencari masa untuk menambah hafalannya pada waktu yang terluang.

“..bangun sebelum subuh adalah waktu paling tepat untuk kasi lancar hafalan yang baru mudah, lepas subuh baru hantar hafalan yang baru...”  
(Informan 5, 8:45, 2021)

“Ada cara kalau dari segi murajaah saya lebih amik masa luar program waktu malam sampai subuh saya lancarkan hafalan.” (Informan 9, 17:19, 2021)

“Kalau jadual saya sendiri saya ada lah, ok contohnya dekat kelas, di kelas sampai jam 3 ustaz dalam dia punya jadual, tapi selebihnya waktu petang dan selepas maghrib tu saya akan menambah lagi hafalan saya dan waktu malam, waktu malam dan selepas subuh saya menambah lagi hafalan” (Informan 7, 8:14, 2021)

Teknik yang seterusnya yang diamalkan pelajar ialah memahami makna ayat al-Quran terlebih dahulu sebelum menghafal. Proses ini juga ternyata membantu pelajar dalam menyusun hafalannya dengan baik.

“Teknik yang saya gunakan tu saya, pertama saya membaca teks tu dulu, ayat al-Quran tu bersertakan dia punya makna di setiap, macam, dia dalam setiap potongan ayat tu sambil setiap maknanya saya dapat faham la dia punya...” (Informan 7, 6:49, 2021)

#### 4.3 Laporan Mingguan Hafalan Pelajar Tahfiz

Bagi melengkapkan hafalan 30 juzuk al-Quran, pelajar perlu menghantar atau melaporkan hasil hafalan masing-masing pada setiap minggu. Jumlah hafalan adalah bergantung kepada tahap kemampuan pelajar sendiri. Contohnya, pelajar memberitahu bahawa laporan mingguan yang dihantar setiap hari sebanyak empat maqra' atau lebih kurang setengah juzuk.

“Macam sekarang ni 1 hari saya akan hantar 4 maqra' atau lebih kurang setengah juzuk lah 1 hari jadi untuk 1 minggu Isnin hingga Jumaat dalam 2 juzuk setengah.” (Informan 10, 25:45, 2021)

Konsistensi hafalan pelajar di atas memberikan hasil yang baik dimana pelajar tersebut juga menyebut bahawa beliau memperoleh dekan iaitu 4 flat di dalam ujian peperiksaan. Selain itu, terdapat juga pelajar yang berjaya menghafal lima belas halaman al-Quran dalam tempoh seminggu.

“Dalam tempoh seminggu, yang boleh saya capai dalam, kalau halaman dalam 15 halaman begitu, 15 atau lebih lembaran tu, 6 hingga 7 la, hingga 6 hingga ke 8.” (Informan 7, 9:03, 2021)

#### 4.4 Ganjaran yang Diberikan Oleh Institusi Tahfiz

Setiap pusat tahfiz yang ditemu bual pelajarnya ada menyebut berkenaan ganjaran yang diberikan guru kepada pelajar jika mencapai target yang dikehendaki, cemerlang dalam pembelajaran di akhir semester atau berjaya menghafaz keseluruhan al-Quran. Contohnya seperti ITQAS, pihak institusi akan mengadakan majlis kecemerlangan buat pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang.

“Ada satu majlis imtiyas aa.. situ majlis untuk kecemerlangan pelajarlah setiap subjek tu aa.. dapat pointer 4 dapat A aa dapat A la akan ada dia punya hadiah lah ustaz...” (Informan 10, 15:51, 2021)

Manakala, pelajar Maahad Tahfiz Darul Furqan Sipitang pula menyebut bahawa mereka mendapat ganjaran bersiar-siar luar dari pusat tahfiz dan juga mendapat hadiah berbentuk buku dan jam daripada guru.

“Itu erm adalah satu kali seminggu. Pengalaman itu ada pernah jalan di Sipitang” (Informan 9, 15:00, 2021).

“Ada juga, antaranya makanan erm hadiah dan kadang ustaz bagi buku kadang ustaz bagi jam ada yang dapat jam.” (Informan 6, 16:44, 2021)

#### 4.5 Hukuman yang Dikenakan Kepada Pelajar

Bagi pelajar ITQAS yang tidak mencapai hafalan yang ditetapkan, guru memberikan tempoh supaya pelajar dapat menghafal kesemuanya. Pelajar dikehendaki untuk memasuki kelas kuarantin di mana pada waktu tertentu, pelajar perlu ke kelas tersebut, menghafal, mengulang dan tasmi' hafalan mereka. Pelajar juga tidak akan dibenarkan memasuki ujian jika hafalan tidak lengkap. Namun begitu, pelajar akan menduduki ujian kategori yang berbeza dan ianya akan memberi kesan terhadap keputusan akhir pelajar berdasarkan penilaian pada waktu itu.

“Dia mula-mula untuk sebelum capai tu, dia ada tempoh kan ustaz. Ada tempoh dia bergantung dengan pensyarah masing-masing untuk bantu pelajar tu untuk capai target tu, dia ada pensyarah yang aa.. bagi denda, sini mestilah kelas kuarantin aa.. kelas kuarantin aa.. maksudnya adalah waktu-waktu tertentu yang diorang kena masuk untuk aa.. menghafal dan hantar hafalan. Ok kemudian kalau aa.. contohlah dia tak dapat target yang betul-betul sebelum waktu yang ditetapkan ujian tu, dia ada.. dia ndak akan masuk ujian lah bila dia tak capai target mukharar tu. Dia ndak, ndak akan masuk ujian tapi, aa.. dia ada dipanggil darul sani dhur

kelas Ad-dhur, dhur itulah kelas ujian untuk kategori dia tapi pada situ dia punya pointer akan bagi kesanlah di situ” (Informan 10, 16:59, 2021).

Pelajar yang gagal seperti yang disebut di atas juga terpaksa mengulang subjek al-Quran bagi semester yang akan datang.

“Dia kalau macam, macam mingguan dia tiada lah, macam ndak siap, ndak dapat sampai target tu ndak tiada, tiada hukuman itu tadi, tapi kalau macam kami gagal dalam exam tu dia ada, bukan hukuman la tapi dia terpaksa mengulang sem tu punya mata pelajaran Al -Quran” (Informan 7, 9:43, 2021)

Bagi pelajar DFS pula, mereka akan dikenakan hukuman secara fizikal seperti tekan tubi, berdiri setengah atau ketuk ketampi.

“Kadang-kadang pumping dan berdiri setengah dan yang selalu diri setengah. Tak sampai 10 minit.” (Informan 9, 16:08, 2021)

“Denda itu mestilah ada, kami disini hukumannya tidak terlampau macam rotan tak berat. Hukuman kami lebih kepada riadah macam ketuk ketampi push up itu saja.” (Informan 6, 17:15, 2021)

Pelajar DYM pula menyebut pernah dikenakan hukuman rotan oleh guru mereka jika hafalan tidak lengkap. Namun begitu, kini hukuman rotan hanya akan dikenakan jika pelajar mempunyai masalah disiplin sahaja.

“...memang ndak capai target memang kena rotan tapi kelas sekarang, ndak capai target tu ndak kena rotan tapi kalau buat salah tu macam buat ndak ikut capak baru kena rotan.” (Informan 8, 22:00, 2021)

## 5.0 Perbincangan

Hasil dapatan kajian berkaitan dengan pelaksanaan amalan pembelajaran tahfiz mendapati bahawa pelbagai kaedah dan teknik yang diamalkan sendiri oleh pelajar dan dibantu dengan amalan yang diajarkan oleh guru-guru tahfiz. Sebagai contohnya, dari sudut kaedah hafazan pelajar teknik hafazan berkesan yang dicadangkan oleh majoriti responden dan informan ialah pengulangan. Pengulangan boleh dilakukan secara bersendirian atau bersama guru dan rakan. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Azmil Hashim et al. (2014) terhadap pelajar Darul Quran iaitu kaedah *takrar* (pengulangan) dan *tasmi'* menjadi keutamaan dalam membantu hafalan pelajar. Pelajar juga berpendapat bahawa kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* yang dijalankan oleh pensyarah tidak mencukupi bagi mereka. Oleh yang demikian, proses pengulangan secara bersendirian menjadi pilihan pelajar. Di dalam kajian Farah Ilyani et al. (2018) pula, pelajar tahfiz lebih memilih untuk membuat pengulangan bersama guru. Pelajar berusaha untuk mengikut bacaan guru, mendengar bacaan guru, mengikuti kelas *tasmi'* dan mengulang hafazan bersama guru. Hal ini juga menunjukkan hubungan yang baik antara pelajar dengan guru.

Namun begitu, semasa pandemik Covid-19 melanda negara, kualiti proses pengulangan bersama guru terkesan. Hal ini berkaitan dengan masalah capaian internet yang dialami oleh pelajar dan guru dek kerana mereka terpaksa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Disebabkan kebanyakan responden dan informan menetap di perkampungan pedalaman di Sabah, capaian internet tidak selaju di kawasan bandar. Proses pembelajaran sering terganggu lalu menyebabkan kualiti pembelajaran tidak dapat dijalankan dengan baik (Azmil, H., 2010). Menurut Helena Sendera et al. (2021), kajian melaporkan sepanjang PKP, kesemua Pusat Internet (PI) di negeri Sabah juga tidak dibenarkan beroperasi bagi membendung wabak Covid-19 justeru memberikan kesan terhadap pelajar yang bergantung sepenuhnya kepada PI untuk mengakses talian internet. Matlamat PI untuk memberikan khidmat internet secara percuma kepada penduduk dan mengurangkan jurang digital masyarakat bandar dengan luar bandar juga tidak tercapai.

## 6.0 Kesimpulan

Dapatan kajian yang dijalankan ini memberi gambaran awal bahawa pelaksanaan amalan pembelajaran tahfiz di negeri Sabah sangat mencabar ketika waktu pandemik dan ini terbukti melalui hasil kajian bahawa pelajar-pelajar berhadapan dengan pelbagai masalah dalam menguasai hafazan Al-Quran. Implikasi kajian ini memberikan maklumat penting kepada institusi tahfiz supaya mencari kaedah terbaik iaitu mewujudkan garis panduan dalam amalan pembelajaran tahfiz sesuai dengan keperluan semasa supaya para pelajar sentiasa bersemangat dalam menghafal ayat-ayat al-Quran dan menguasai ilmu-ilmu lain berkaitan dengannya.

Kajian ini adalah dapatan awal untuk memberi peluang kepada pengkaji lain untuk memberikan fokus dan penekanan tentang amalan dan kaedah pembelajaran tahfiz ketika wabak melanda dalam negara.

## 7.0 Rujukan

- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis Dr. Falsafah. Bangi: UKM.
- Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, Nurul Nadia Nozlan, Mohamad Anwar Zakaria & Muhd. Faiz Abd. Shakor. 2020. Dasar Pemerkasaan Institusi Tahfiz di Malaysia. Kertas kerja dibentang di The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020).
- Azmil, H. 2010. Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz alQuran Negeri. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil, H., et. al. 2014. Latar Belakang Guru Tahfiz dan Amalan Teknik Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1 Issue 1 28-39.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak. 2018. Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1): 141-148.
- Fraenkel, J. R., et. al. 2006. *How to design and evaluate research in education (6th ed.)*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Helena Sendera Mohd Yakin, Odetta Yahcob & Junaidah Januin. 2021. Fungsi dan Implikasi Pusat Internet Terhadap Masyarakat Luar Bandar di Sabah dalam Era Pandemik Covid-19. *MANU* 32(1): 51-68.
- Krejcie & Morgan. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Journal of Educational dan Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan Program Usahawan Muda di Sekolah Menengah. Tesis Ph.D UniversitiPutra Malaysia.
- Solahuddin Ismail. 2016. *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Kertas kerja dibentangkan di Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 23-24 November, Bangi Selangor.